




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

24 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 118 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 245,763 kes. Dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 192 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 238,010 orang. Manakala 674 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 355 orang di hospital, 315 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan empat (4) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 24 orang merangkumi 19 di ICU/repurposed kritikal *care* serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan sembilan (9) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 14 (21.21%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 17 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kedudukan jangkitan COVID-19 di Sabah secara keseluruhannya menunjukkan trend penstabilan yang baik dengan hanya merekodkan 118 kes baharu hari ini. Jumlah ini merupakan penurunan sebanyak 54 kes berbanding jumlah kelmarin.
- b. Hari ini hanya lima (5) daerah mencatatkan kes baharu dua (2) angka yang didahului oleh Kota Kinabalu dengan 17 kes (-14), diikuti oleh Papar dengan 15 kes (-6), Tuaran 15 (+4), Penampang 13 (-4) dan Sandakan 12 (-5). Ranau yang mencatatkan jumlah kedua tertinggi kelmarin dengan 21 kes cuma merekodkan dua (2) kes baharu hari ini. Beaufort juga cuma mencatatkan lapan (8) kes baharu (-11). Enam (6) daerah tidak mencatat sebarang kes baharu.
- c. Seperti yang telah nyatakan sebelum ini, turun naik jumlah kes harian di Sabah banyak dipengaruhi oleh kemunculan kluster-kluster baharu dari masa ke masa. Sikap masyarakat yang bertanggungjawab seperti pematuhan kepada semua SOP juga faktor penting dalam usaha mengekalkan jumlah kes baharu COVID-19 pada tahap yang rendah di Sabah. Semua rakyat berperanan sebagai petugas 'barisan hadapan' dalam usaha negeri kita membanteras penularan virus ini.
- d. Sebanyak 114 daripada 118 kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2; masing-masing dua (2) kes dalam Kategori 3 dan Kategori 4. Tidak ada pesakit dalam Kategori 5.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (53) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	3	2.54%
2	Kontak	53	44.92%
3	Bergejala	53	44.92%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	9	7.62%
JUMLAH		118	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (23 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 23/01/2022	Catatan Kes 24/01/2022	Perbandingan
1	Tuaran	11	15	+4
2	Kota Marudu	3	7	+4
3	Sipitang	0	2	+2
4	Putatan	5	6	+1
5	Tawau	3	4	+1
6	Lahad Datu	2	3	+1
7	Keningau	2	3	+1
8	Kudat	0	1	+1
3	Kunak	0	1	+1
10	Telupid	0	1	+1
11	Tambunan	0	1	+1
12	Kinabatangan	0	1	+1
13	Nabawan	0	0	Mendatar
14	Kalabakan	0	0	Mendatar
15	Pitas	0	0	Mendatar
16	Tongod	0	0	Mendatar
17	Ranau	21	2	-19
18	Kota Kinabalu	31	17	-14
19	Beaufort	19	8	-11
20	Papar	21	15	-6
21	Sandakan	17	12	-5
22	Kota Belud	7	2	-5
23	Penampang	17	13	-4
24	Kuala Penyu	5	1	-4
25	Tenom	6	3	-3
26	Semporna	1	0	-1
27	Beluran	1	0	-1
JUMLAH		172	118	-54

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (10 Januari – 23 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	8	6	0	3	17	606
Papar	0	9	4	0	2	15	202
Tuaran	0	8	7	0	0	15	296
Penampang	0	8	5	0	0	13	299
Sandakan	2	3	7	0	0	12	231
Beaufort	0	2	6	0	0	8	105
Kota Marudu	0	4	3	0	0	7	127
Putatan	0	2	3	0	1	6	115
Tawau	0	1	2	0	1	4	85
Tenom	0	3	0	0	0	3	75
Keningau	0	1	2	0	0	3	118
Lahad Datu	0	0	2	0	1	3	29
Ranau	1	1	0	0	0	2	205
Kota Belud	0	0	2	0	0	2	113
Sipitang	0	0	2	0	0	2	49
Kuala Penyu	0	1	0	0	0	1	69
Kunak	0	0	1	0	0	1	6
Kinabatangan	0	1	0	0	0	1	88
Tambunan	0	0	1	0	0	1	86
Telupid	0	0	0	0	1	1	21
Kudat	0	1	0	0	0	1	15
Semporna	0	0	0	0	0	0	7
Beluran	0	0	0	0	0	0	26
Pitas	0	0	0	0	0	0	15
Tongod	0	0	0	0	0	0	14
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	6
Nabawan	0	0	0	0	0	0	9
JUMLAH	3	53	53	0	9	118	3,017

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Jalan Bypass Kologon	1
Sandakan	Kluster Jalan Pertukangan	2
Jumlah		3

6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,764 unit

- Hospital 1,167 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 17.91%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 24 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	117
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	118

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Turki	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	113
Bukan Malaysia	5
Jumlah	118

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	16
Belum Menerima Vaksin	12
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	76
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	14
Jumlah	118

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1 to 5	6
6 to 11	8
12 to 17	13
18 to 25	16
26 to 59	56
>60	17
Jumlah	118

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 23 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,743 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,734 orang adalah penduduk dewasa dan 9 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 23 Januari 2022 adalah seramai 2,453,608 orang. Ini meliputi 2,116,443 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.73% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,409,464 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,096,886 orang atau 76.02% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,165 orang atau 77.69% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,578 atau 72.02% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **680,006** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,477 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 50 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 194 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 35 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Perikanan 1985.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 726 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak dua (2)notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu satu (1) di daerah Penampang dan satu(1) di daerah Keningau
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 556 premis perniagaan dan 842 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 291 Premis Perniagaan melibatkan 137 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 67 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 58 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.7%
2	Beluran	98.7%
3	Kinabatangan	98.5%
4	Kudat	98.5%
5	Semporna	98.4%
6	Beaufort	98.3%
7	Papar	98.3%
8	Kota Kinabalu	98.3%
9	Lahad Datu	98.3%
10	Sandakan	98.2%
11	Kota Marudu	98.2%
12	Tenom	98.2%
13	Keningau	98.1%
14	Sipitang	98.1%
15	Kota Belud	98.1%
16	Tuaran	98%
17	Tawau	98%
18	Penampang	98%
19	Ranau	98%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II